

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Ekonomi Asas 3757/2 ini mengandungi enam soalan. Calon dikehendaki memilih mana-mana empat soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 2 jam. Setiap soalan diperuntukkan 25 markah. Cakupan soalan merangkumi sukatan pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat dan Lima.

PRESTASI CALON SECARA KESELURUHAN

Secara keseluruhan prestasi calon adalah sederhana memuaskan. Majoriti calon gagal mengaplikasi teori ekonomi yang dipelajari di dalam bilik darjah ketika menjawab item yang diuji terutamanya bagi item yang berbentuk analisa bahan grafik, data/jadual, aplikasi pengiraan dan kemahiran berfikir berdasarkan situasi/kes yang dikemukakan.

Calon tidak dapat menghubungkan teori ekonomi dengan bahan rangsangan yang dikemukakan dalam soalan. Calon amat lemah dalam mengingat dan memahami konsep dan istilah ekonomi menyebabkan mereka tidak mampu mengemukakan jawapan yang diharapkan walaupun bagi item-item pengetahuan dan kefahaman.

Calon cenderung mengemukakan jawapan berdasarkan pemikiran logic umum tanpa menggunakan atau mengaplikasikan teori ekonomi yang dipelajari. Penguasaan konsep, istilah dan laras bahasa ekonomi yang lemah menyebabkan jawapan calon terlalu umum dan tidak tepat.

Kelemahan menghafal rumus, mengaplikasi dan mentafsirnya menyebabkan calon tidak mampu menjawab item-item berbentuk pengiraan mudah. Terdapat hanya segelintir calon yang mampu mengaplikasi teori ekonomi yang dipelajari dengan tepat dan menghubungkannya dengan bahan rangsangan dalam soalan.

PRESTASI CALON MENGIKUT KUMPULAN PENCAPAIAN**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon mampu memahami dan mentafsir tugas soalan dengan tepat. Fakta dan huraian atau contoh yang dikemukakan adalah tepat, mencukupi dan lengkap. Penguasaan bahasa adalah baik dan calon tidak mengulangi fakta yang sama. Majoriti calon mampu menjawab 3 hingga 4 soalan dengan baik terutamanya bagi soalan berbentuk:

- pengiraan iaitu soalan 3 a (i) dan 4 a (i)
- melukis keluk iaitu 4 a (ii)
- analisa jadual/data dan situasi/kes iaitu soalan 3 a (ii), 4 b dan 6 b.
- huraian fakta/konsep iaitu soalan 1b, 1c, 2a, 2b, 2c dan 3b.

Namun terdapat juga kesilapan kecil yang dilakukan oleh sebilangan calon seperti tidak menulis 'RM', 'unit' dan titik origin pada keluk/graf.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Sebahagian jawapan masih betul dan menepati tugas soalannya terutama bagi soalan 1b, 2b, 2c, 3b, 6a dan 6b. Calon belum mampu untuk menguasai sepenuhnya soalan beraras sederhana dan tinggi. Calon kurang mampu mengaplikasi atau menghubungkan teori ekonomi yang dipelajari bagi menyelesaikan tugas soalannya.

Terdapat kecenderungan calon mengulangi fakta yang sama dan huraian yang dikemukakan kurang mantap dan bersifat umum. Penguasaan bahasa dan istilah ekonomi kurang mantap menyebabkan calon gagal mengemukakan jawapan yang baik.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Jawapan calon umum, tidak tepat dan tiada kaitan dengan tugas soalannya. Calon menjawab berdasarkan apa yang mereka tahu dan bukannya apa yang dikehendaki dalam tugas soalannya. Calon cenderung mengemukakan fakta berdasarkan pemikiran logik tanpa menggunakan teori/konsep ekonomi yang dipelajari.

Fakta dan huraian yang diberi tidak tepat dan tidak mencukupi. Majoriti calon hanya mampu menyenaraikan beberapa fakta tanpa disokong oleh huraian. Penguasaan bahasa dan konsep ekonomi yang lemah menyebabkan calon gagal menjelaskan fakta yang dikemukakan. Sebahagian besar calon berada dalam kumpulan ini.

PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT SOALAN

Soalan 1 (a)

Prestasi calon secara keseluruhan adalah memuaskan. Calon mampu memperoleh markah yang sederhana. Antara kekuatan calon ialah berupaya untuk membezakan ciri sistem ekonomi Kapitalis (SEK) dan sistem ekonomi Islam (SEI). Calon juga mampu membezakan ketiga-tiga aspek dengan tepat kerana telah dinyatakan dalam soalan.

Kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah menerangkan ketiga-tiga ciri SEK dan SEI secara berasingan tanpa menunjukkan perbezaan. Calon hanya menerangkan SEK mempunyai motif untung tanpa menyatatakan perkataan maksimum untung. Calon hanya menyatakan SEI tidak mementingkan motif untung. Calon membezakan cara penyelesaian masalah asas ekonomi bukan ciri. Calon hanya menerangkan ciri SEK atau SEI sahaja.

Calon sepatutnya membezakan tiga ciri iaitu pemilihan sumber, pilihan individu dan motif pengeluaran bagi SEK dan SEI secara serentak. Calon boleh menjawab mengikut format berjadual atau secara huraian dengan menggunakan kata beza seperti tetapi, manakala dan sebagainya.

Soalan 1 (b) (i)

Keseluruhannya prestasi calon adalah baik. Majoriti calon memperoleh markah yang tinggi. Calon mampu mengemukakan konsep upah dalam ekonomi secara tepat.

Antara kelemahan dan kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah menerangkan jenis-jenis upah seperti upah wang, upah bukan wang dan upah benar. Calon menerangkan pendapatan faktor lain seperti sewa, faedah dan untung walaupun tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Calon sepatutnya menerangkan maksud upah dalam ekonomi.

Soalan 1 (b) (ii)

Pada umumnya prestasi calon tidak memuaskan. Calon hanya dapat mengemukakan 3 alasan mengapa tidak bersetuju dengan pernyataan 'hanya individu yang memiliki faktor pengeluaran menerima pendapatan'. Contoh jawapan calon : "Bayaran pindahan ialah pendapatan yang diterima tanpa memberi sumbangan tenaga. Contoh bayaran pindahan ialah pencen".

Kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah menjelaskan jenis-jenis pendapatan faktor dan memberi contoh bayaran pindahan ialah pesara, calon dan suri rumah. Di samping itu, calon tidak menyatakan pendirian 'tidak setuju' atau salah pendirian (menyatakan setuju). Huraian calon tentang bayaran tidak mencukupi.

Calon sepatutnya menyatakan pendirian 'tidak setuju' dengan pernyataan yang diberi dalam soalan dan menghuraikan konsep bayaran pindahan secara terperinci berserta dengan contoh yang tepat.

Soalan 1 (c)

Prestasi keseluruhan calon adalah kurang memuaskan. Majoriti calon hanya memperoleh markah yang rendah. Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang mampu menerangkan dengan tepat kesan penghapusan cukai langsung ke atas isi rumah dan firma.

Kelemahan dan kesilapan yang kerap dilakukan oleh calon ialah menyatakan pendapatan isi rumah meningkat dan bukannya 'pendapatan boleh guna' meningkat. Terdapat calon yang memberi maksud dan jenis cukai langsung. Di samping itu, calon juga menerangkan kesan penghapusan cukai ke atas kerajaan. Majoriti calon tidak menyatakan kesan akhir iaitu inflasi dan harga jatuh. Calon hanya menerangkan kesan negatif yang merugikan isi rumah dan firma.

Calon sepatutnya menerangkan kesan penghapusan cukai langsung ke atas isi rumah dari aspek pendapatan boleh guna, permintaan dan tingkat harga. Calon juga perlu menerangkan kesan penghapusan cukai langsung ke atas firma dari aspek keuntungan, penawaran dan tingkat harga.

Soalan 2 (a)

Secara keseluruhannya prestasi calon adalah baik. Calon berupaya memperoleh markah maksimum. Calon dapat menyatakan maksud isi rumah dan peranannya dalam ekonomi dengan tepat.

Kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah menerangkan konsep isi rumah secara tidak lengkap. Calon juga menerangkan peranan isi rumah sebagai penabung, peminjam dan pelabur yang tiada kaitan dengan kehendak soalan. Calon hanya menyatakan peranan isi rumah sebagai pengguna dan pengeluar tanpa huraian. Terdapat

sebilangan calon yang melukis rajah aliran pusingan ekonomi dua sektor tanpa huraian. Selain itu, calon menyatakan isi rumah ialah peralatan yang ada dalam sesebuah rumah. Contoh : perabot dan barang elektrik. Calon sepatutnya menjelaskan maksud isi rumah secara terperinci dan peranannya sebagai pembekal faktor pengeluaran serta sebagai pengguna barangan dalam ekonomi.

Soalan 2 (b)

Prestasi calon secara keseluruhan adalah memuaskan. Calon mampu menghuraikan 3 daripada 5 faktor yang mempengaruhi pertumbuhan permintaan pangsapuri. Walau bagaimanapun, calon yang baik dapat menerangkan sekurang-kurangnya lima faktor yang menyebabkan peningkatan permintaan pangsapuri selain daripada faktor citarasa.

Antara kelemahan dan kesilapan yang dilakukan ialah calon hanya menerangkan faktor citarasa dan memberi jawapan mengikut logik akal iaitu suasana persekitaran, nyaman, pemandangan indah, sejuk dan sebagainya. Terdapat juga calon yang menerangkan faktor yang menyebabkan peningkatan dan penurunan permintaan pangsapuri. Calon sepatutnya menerangkan sekurang-kurangnya lima faktor yang menyebabkan peningkatan permintaan terhadap pangsapuri.

Soalan 2 (c)

Prestasi calon pada umumnya adalah baik. Majoriti calon mampu memperoleh markah yang agak tinggi. Calon mampu memberikan maksud, rumus dan jenis keanjalan harga permintaan serta menjelaskan ketiga-tiga jenis keanjalan harga permintaan tersebut.

Kelemahan dan kesilapan calon ialah memberi rumus keanjalan harga permintaan (Ed) yang salah. Calon juga tidak memberi maksud dan rumus Ed. Kebanyakan calon gagal menulis % pada rumus dan peratus/kadar/nisbah/darjah/pekali/nilai dalam huraian. Jenis Ed pula ditulis sebagai permintaan (DD) anjal melebihi satu dan DD anjal kurang daripada satu. Calon sepatutnya menyatakan maksud Ed dan rumus Ed. Calon perlu menjelaskan tiga jenis Ed.

Soalan 3 (a) (i)

Secara keseluruhan prestasi calon adalah sangat baik. Majoriti calon mendapat markah maksimum. Calon dapat mengira keluaran purata (KP) dan keluaran sut (KS) dengan tepat.

Antara kelemahan dan kesilapan ialah calon tidak dapat mengira keluaran purata dan keluaran sut kerana gagal mengingat rumus KP dan KS. Calon sepatutnya melengkapkan lajur KP dan KS pada bilangan buruh ke -12, 16 dan 17.

Soalan 3 (a) (ii)

Umumnya prestasi calon tidak memuaskan. Majoriti calon hanya memperoleh markah yang rendah. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang berupaya menerangkan hubungan antara jumlah keluaran (JK), keluaran purata (KP) dan keluaran sut (KS) mengikut bilangan buruh. Calon dapat mengenalpasti JK maksimum, KP maksimum, KS maksimum, KS sifar dan KS negatif pada bilangan buruh tertentu.

Kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan ialah calon hanya menyalin semula data dalam jadual yang diberi. Contohnya: Pada tingkat buruh 1 unit, JK 30 unit, KP 30 unit dan KS 30 unit. Terdapat juga calon yang menerangkan jumlah keluaran (JK), keluaran purata (KP) dan keluaran sut (KS) mengikut lajur. Contohnya: Dari buruh 0 hingga 16, JK meningkat. Dari buruh 16 hingga 17, JK menurun. Sebilangan besar calon gagal menerangkan hubungan JK, KP dan KS mengikut tahap buruh. Di samping terdapat calon yang hanya menerangkan maksud dan rumus JK, KP dan KS.

Calon sepatutnya menerangkan hubungan JK, KP dan KS mengikut tahap perubahan buruh. Dari buruh 0 – 5 unit, JK, KP dan KS meningkat dan KS maksimum pada buruh ke – 5. Dari buruh 5 – 9 unit, JK dan KP meningkat manakala KS menurun dan KP maksimum pada buruh ke – 9. Dari buruh 9 – 12 unit, JK meningkat manakala KP dan KS menurun. Dari buruh 12 – 16 unit, KP dan KS menurun manakala JK maksimum dan KS sifar pada buruh ke – 16. Dari buruh 16 – 17 unit, JK, KP dan KS menurun manakala KS menjadi negatif pada buruh ke - 17.

Soalan 3 (b)

Prestasi calon secara keseluruhannya adalah memuaskan. Majoriti calon dapat menghuraikan 3 daripada 5 faktor yang mempengaruhi pengurangan penawaran barang industri dengan tepat. Antara kekuatan dalam jawapan ialah calon mampu menerangkan mengapa pengeluaran Firma Jingga berkurang dengan jelas dan tepat.

Antara kelemahan dan kesilapan ialah calon cenderung mengulangi faktor yang sama iaitu harga barang itu. Kebanyakan calon menerangkan kedua-dua faktor peningkatan dan penurunan penawaran. Terdapat ramai calon yang mengaitkan kemerosotan penawaran dengan kejatuhan permintaan. Di samping itu, terdapat calon yang menerangkan faktor yang mempengaruhi permintaan. Calon sepatutnya menerangkan lima faktor yang mempengaruhi pengurangan kuantiti penawaran Firma Jingga Sdn. Bhd. pada tahun 2001.

Soalan 4 (a) (i)

Prestasi calon secara keseluruhannya adalah baik. Majoriti calon memperoleh markah yang tinggi. Calon mampu memberi rumus dan mengira keanjalan harga penawaran (Es) dengan tepat.

Kelemahan dan kesilapan yang seringkali dilakukan ialah calon tidak memberi rumus Es. Pengiraan calon salah kerana gagal mengingati rumus Es. Calon tidak menulis % dalam rumus Es yang diberi. Terdapat juga calon yang terus memberi jawapan tanpa rumus Es dan cara pengiraan. Calon sepatutnya menyatakan rumus Es, cara pengiraan dan jawapan tepat iaitu 252 unit.

Soalan 4 (a) (ii)

Umumnya prestasi calon adalah memuaskan. Majoriti calon mendapat separuh daripada markah yang diperuntukkan. Calon mampu melukis keluk keseimbangan pasaran dan menerangkan proses penentuan tingkat harga dan kuantiti keseimbangan dengan tepat.

Kelemahan dan kesilapan yang seringkali dilakukan ialah keluk permintaan (DD) dan keluk penawaran (SS) yang dilukis oleh calon tidak tepat. Calon melukis keluk DD dan SS tanpa menggunakan data yang diberi dalam jadual. Sebahagian calon tidak melabel rajah dengan

lengkap seperti 0 untuk origin, RM pada paksi harga, unit pada paksi kuantiti, E pada titik keseimbangan, DD untuk keluk permintaan dan SS untuk keluk penawaran. Selain itu, calon melukis keluk DD dan SS secara berasingan dan tidak menggunakan skala yang diberi. (2 cm : 5 unit pada paksi harga dan 2 cm : 50 unit) Calon tidak menggunakan istilah 'titik persilangan' dalam huraian. Contohnya : Keluk DD bertemu dengan keluk SS.

Calon sepatutnya melukis keluk keseimbangan pasaran dengan menggunakan kertas graf dan skala yang diberi dalam soalan. Keluk keseimbangan pasaran itu hendaklah dilabelkan dengan lengkap dan tepat. Calon juga harus menerangkan proses penentuan tingkat harga dan kuantiti keseimbangan apabila berlaku lebihan permintaan dan lebihan penawaran.

Soalan 4 (b)

Pada keseluruhannya prestasi calon adalah kurang memuaskan. Majoriti calon mendapat markah yang rendah. Namun begitu terdapat calon yang dapat menjelaskan kesan setiap tindakan ke atas pasaran buruh tempatan.

Kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah tidak menggunakan istilah permintaan dan penawaran buruh tetapi menggunakan istilah pasaran buruh meningkat/merosot. Calon juga gagal mengaitkan situasi dengan konsep lebihan DD, lebihan SS dan upah buruh. Selain itu terdapat juga calon yang menerangkan kesan buruk kemasukan buruh asing dari aspek sosial seperti peningkatan kes jenayah dan masalah setinggan.

Calon sepatutnya menjelaskan kesan setiap tindakan kerajaan ke atas pasaran buruh tempatan dari aspek permintaan, penawaran, lebihan permintaan/penawaran dan kadar upah.

Soalan 5 (a)

Secara keseluruhannya prestasi calon memuaskan. Majoriti calon mendapat separuh daripada markah yang diperuntukkan. Calon mampu menerangkan dua persamaan peranan syarikat kewangan dan syarikat insurans.

Kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah hanya menyatakan perkhidmatan syarikat kewangan dan syarikat insurans tanpa menerangkan peranannya dalam pembangunan ekonomi. Terdapat juga sebilangan calon yang menjawab secara berasingan peranan kedua-dua institusi kewangan tersebut. Calon juga membezakan peranan kedua-dua institusi kewangan. Sebahagian calon menerangkan peranan kedua-dua institusi kepada individu dan bukannya dalam pembangunan ekonomi. Contoh jawapan calon : Individu akan mendapat pampasan daripada syarikat insurans apabila berlaku kemalangan.

Calon sepatutnya menerangkan dua persamaan peranan syarikat kewangan dan syarikat insurans dalam pembangunan ekonomi negara dari aspek menggerakkan tabungan orang ramai, sumber pinjaman dalam negeri dan menyediakan peluang pekerjaan.

Soalan 5 (b)

Pada umumnya prestasi calon kurang memuaskan. Majoriti calon mendapat separuh daripada markah yang diperuntukkan. Walau bagaimanapun calon yang baik dapat

menghuraikan kesan tindakan bank pusat Negara Q pada tahun 2000 kepada aktiviti ekonomi dalam usaha menstabilkan ekonomi.

Kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah gagal mentafsir rajah yang dikemukakan sebaliknya hanya menyatakan situasi dalam rajah. Contoh jawapan calon : Kadar rizab berkanun turun, kadar faedah pinjaman turun dan kadar faedah simpanan turun. Sebahagian besar calon gagal menghuraikan kesan tindakan bank pusat untuk mengatasi kemelesetan ekonomi. Jawapan yang diberikan oleh calon tidak berfokus kepada tindakan kerajaan pada tahun 2000 sebaliknya menjawab kesan naik dan turun kadar rizab berkanun, kadar faedah pinjaman dan kadar faedah simpanan secara umum. Calon menghuraikan semua tindakan bank pusat untuk menstabilkan ekonomi. Contoh jawapan calon : menghuraikan tindakan bank pusat seperti membeli surat jaminan kerajaan, menurunkan kadar rizab tunai dan melonggarkan syarat sewa beli. Tindakan ini tidak dikehendaki dalam jawapan.

Calon sepatutnya menghuraikan kesan tindakan bank pusat Negara Q pada tahun 2000 untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi melalui tiga alat yang diberi dalam Rajah 1 iaitu penurunan kadar rizab berkanun, penurunan kadar faedah pinjaman dan penurunan kadar faedah simpanan.

Soalan 5 (c)

Pada umumnya prestasi calon tidak memuaskan. Majoriti calon hanya memperoleh kurang daripada separuh markah yang diperuntukkan. Tetapi terdapat sebahagian calon yang berupaya menerangkan sebab kerajaan mengutamakan sumber dalam negeri daripada sumber luar Negara

Kelemahan dan kesilapan yang kerap dilakukan oleh calon ialah menganggap sumber dalam negeri ialah bahan mentah seperti bijih timah dan getah. Calon hanya mampu menghuraikan kebaikan pinjaman dalam negeri tanpa menerangkan kelemahan dan kesan negatif pinjaman dari sumber luar negara. Calon juga gagal menyatakan fakta dengan tepat sebaliknya hanya menyatakan secara umum. Contoh jawapan calon : Pinjaman dalam negeri tidak mempengaruhi pertukaran asing.

Calon sepatutnya menerangkan sekurang-kurangnya empat kelebihan meminjam dari sumber dalam negeri berbanding sumber luar negara dan akibat jika meminjam dari sumber luar negara dalam membiayai perbelanjaan kerajaan.

Soalan 6 (a)

Secara keseluruhannya prestasi calon sangat baik. Majoriti calon berjaya memperoleh markah yang tinggi. Calon mampu menerangkan lebih daripada enam perbezaan perdagangan dalam negeri (PDN) dan perdagangan antarabangsa (PAB) dengan tepat.

Kesilapan yang kerap calon lakukan ialah menerangkan PDN dan PAB secara berasingan. Huraian atau contoh yang diberi tidak tepat terutamanya untuk membezakan dokumen dan sekatan. Terdapat calon yang menerangkan sebab-sebab wujud PAB. Di samping itu, terdapat calon yang hanya menerangkan PDN sahaja atau PAB sahaja. Huraian yang diberikan oleh calon tidak lengkap. Contohnya PDN jarak dekat berbanding PAB.

Calon sepatutnya menerangkan sekurang-kurangnya enam perbezaan antara PDN dan PAB. Calon boleh menjawab mengikut format berjadual atau huraian menggunakan kata beza seperti tetapi, manakala dan sebagainya.

Soalan 6 (b)

Pada umumnya prestasi calon adalah memuaskan. Majoriti calon memperoleh lebih daripada separuh markah yang diperuntukkan. Calon dapat menerangkan tindakan yang perlu diambil oleh kerajaan untuk melindungi industri kasut tempatan.

Kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah hanya menerangkan perubahan keluaran kasut tempatan dan luar Negara berdasarkan rajah dalam soalan. Sebahagian calon menerangkan peranan kerajaan membantu pengeluar tempatan tanpa mengaitkannya dengan sekatan perdagangan antarabangsa (PAB). Terdapat calon yang hanya menyatakan bentuk sekatan PAB tanpa memberikan huraian. Calon juga sering mengulangi fakta yang sama iaitu 'tarif', 'duti import' dan 'cukai import'. Terdapat juga kecenderungan di kalangan calon yang menghuraikan tentang jenis-jenis tarif. Di samping itu, calon menerangkan pola perubahan jualan kasut keluaran tempatan dan keluaran luar negara mengikut tahun tanpa menyatakan tindakan yang perlu dilakukan oleh kerajaan.

Calon sepatutnya menerangkan tindakan kerajaan melalui sekatan perdangan antara bangsa untuk melindungi industri kasut tempatan daripada saingan kasut keluaran luar negara.

SARANAN KEPADA CALON

1. Perlu menguasai konsep, istilah dan fakta ekonomi dengan tepat.
2. Semua tajuk perlu dipelajari dan diberi perhatian yang sama kerana kebanyakan soalan ada kaitan antara satu tajuk dengan tajuk yang lain.
3. Gunakan buku teks yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai bahan rujukan utama.
4. Biasakan diri merangka jawapan agar fakta dan huraian cukup serta tidak mengulangi fakta/huraian yang sama.
5. Gunakan peruntukan markah bagi setiap ceraihan soalan sebagai panduan bagi menentukan jumlah fakta yang sepatutnya diberi dalam jawapan.
6. Jawapan hendaklah mengandungi fakta, huraian dan contoh yang sesuai dengan tugasan soalan.
7. Jawapan perlu dikaitkan dengan bahan rangsangan yang diberi dalam soalan. Elakkan jawapan secara umum.
8. Gunakan laras bahasa/istilah ekonomi yang tepat.
9. Hafal rumus agar dapat menjawab soalan pengiraan dengan tepat. Nyatakan rumus dan unit yang berkenaan dalam jawapan.

10. Perbanyak latihan sendiri terutamanya soalan SPM tahun lepas agar lebih terdedah dengan aras soalan peringkat SPM terutamanya soalan berbentuk kemahiran berfikir seperti analisis jadual/data, bahan grafik dan situasi/kes.
11. Perlu pembacaan yang luas tentang isu ekonomi semasa peringkat negara atau global melalui media cetak atau elektronik agar mendapat pendedahan yang secukupnya tentang perkembangan dunia ekonomi dan kaitkan dengan teori ekonomi yang dipelajari.
12. Perlu memilih soalan dengan bijak untuk mendapat markah yang tinggi.
13. Mulakan ulangkaji semasa Tingkatan 4 dan pastikan dapat menguasai sukatan pelajaran Tingkatan 4 sebelum memulakan pembelajaran di Tingkatan 5. Elakkan amalan mengulangkaji pada saat akhir menjelang peperiksaan SPM.
14. Fahami tugas soalan sebelum menjawab. Jawab “apa yang ditanya” dan bukannya “apa yang saya tahu” atau mengikut pemikiran logik sahaja.

SARANAN KEPADA GURU

1. Pastikan setiap calon menguasai konsep, istilah, teori, rumus dan laras bahasa ekonomi.
2. Pelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta menggunakan bahan bantuan mengajar yang sesuai, berkesan dan terkini bagi menarik minat dan tumpuan calon terhadap pengajaran guru.
3. Beri pendedahan dan latihan berterusan kepada calon bentuk soalan SPM terkini agar calon biasa dengan soalan yang berbentuk kemahiran berfikir dan menjawab berdasarkan bahan rangsangan yang diberi.
4. Wujudkan pembelajaran kontekstual yang mampu memberi ruang dan peluang kepada calon untuk mendekati diri dengan pengalaman sebenar yang berlaku di persekitaran mereka kerana ini dapat membantu menjana ide dan percambahan minda calon.
5. Pastikan calon melukis rajah/keluk dengan cara yang betul tanpa mengabaikan label yang perlu ada dalam rajah/keluk tersebut seperti titik origin dan unit pada paksi.
6. Bimbing calon menghasilkan jawapan tepat dan padat tanpa meleret-leret. Lakukan pemeriksaan latihan secara tekal dan berterusan agar kelemahan dan kesilapan dapat diminimumkan.
7. Guru perlu membina soalan yang setanding dengan soalan SPM agar calon terdedah kepada soalan yang mirip SPM.
8. Galakkan dan bimbing calon cara belajar yang berkesan agar daya ingatan dan kefahaman calon lebih mantap.
9. Pastikan calon menguasai sukatan pelajaran Ekonomi Asas secara menyeluruh dan bukannya memilih atau memberi tumpuan kepada tajuk tertentu sahaja.